

# USIM anjur perhimpunan protes hina Rasullulah S.A.W

SEREMBAN 6 Nov. - Lebih 500 penuntut dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Perhimpunan Memperingati Rasullulah S.A.W di Dataran Canselor universiti berkenaan di Nilai dekat sini baru-baru ini.

Program bertema *Kami Mencintai Nabi Muhammad* turut diadakan sebagai tanda protes warga USIM terhadap penghinaan ke atas baginda yang dilakukan oleh media Barat.

Kebladapan media Barat atas alasan menjunjung kebebasan dengan menghina Nabi Muhammad S.A.W serta agama Islam melalui penerbitan karikatur, penulisan serta kenyataan yang mempertikaikan kesucian Islam telah membangkitkan kemarahan masyarakat Islam seluruh dunia termasuk di negara ini.

Kemuncak kemarahan masyarakat Islam seluruh dunia terbangkit melalui penerbitan filem berjudul *Innocent of Muslims* yang ditayangkan di laman sesawang You Tube baru-baru ini.

Filem tersebut menggambarkan Nabi Muhammad S.A.W sebagai

seorang berperwatakan penipu, gemar melakukan hubungan seks serta menyeru untuk melakukan pembunuhan beramai-ramai.

Sehubungan itu, perhimpunan yang berlangsung secara aman itu bukan sahaja melambangkan keprihatinan dan kesepaduan warga USIM dalam mengancam sebarang tindakan yang menghina Rasulullah SAW dan agama Islam.

Malah turut menjadi medan peserta bermuhasabah bagi menginsafi punca berlakunya penghinaan dan penindasan kepada umat Islam saban hari.

Majlis tersebut turut dihadiri Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda serta pihak pengerusan tertinggi universiti.

Program yang dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran bersama tafsirannya oleh Mohd Husaini Mahmud itu turut menceritakan ketinggian pekerti Rasulullah SAW.

Perhimpunan itu kemudian disusuli dengan tazkirah yang disampaikan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab oleh kakitangan USIM.



**SEBAHAGIAN 500 penuntut serta kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Perhimpunan Memperingati Rasullulah S.A.W di Dataran Canselor universiti berkenaan di Nilai, baru-baru ini.**